



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PENOLONG OPERESEN KANAN (C.3-4 EB.5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Radio Televisyen Brunei.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG OPERESEN KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990-\$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEMBILAN (09)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan *Audio* dan *Video* / Kejuruteraan Elektrikal / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komputer / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Penyiaran / Media Komunikasi / Penyiaran *Audio* dan *Video* / Penyuntingan *Audio* dan *Video* / Sistem *Audio* dan *Video* / Teknologi *Audio* dan *Video* / Teknologi Elektronik / Teknologi Penyiaran atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Dimastikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.;
4. Mempunyai minat dan berpengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal media penyiaran;
5. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang operasi televisyen / operasi radio;
6. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang penggambaran / rakaman *video* / rakaman suara / penyiaran;



7. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah satu kelebihan; dan
8. Berkeyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera atau Pengurus Teknik Studio yang berkenaan;
2. Mengawas dan bertanggungjawab dalam hal ehwal operasi penyiaran televisyen / penyiaran radio berdasarkan kepada penempatan (seksyen/unit) Penolong Operesen Kanan tersebut iaitu seperti di studio televisyen / studio radio / pos-produksi dan rakaman televisyen / siaran luar serta mengawasi kakitangan di bawah jagaannya;
3. Menghadiri mesyuarat dan *site meeting* yang dijadualkan oleh pihak penerbitan serta turut memberikan cadangan dan pandangan bagi meningkatkan mutu penerbitan rancangan berkenaan;
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.